

**TEKS PERBAHASAN**  
**PERSIDANGAN SIDANG MUDA PULAU PINANG 2022**  
**PENGGAL PERTAMA**

**Perhimpunan Ronda/Lumba Motosikal Haram Pada Pukul 3am Setiap Hari Ahad Di**  
**Kawasan Bayan Lepas.**

Mutakhir ini, perhimpunan ronda dan lumba motosikal haram adalah perkara biasa di Pulau Pinang. Motosikal gang lumba haram yang telah diubah suai dengan enjin dan paip ekzos yang akan mengeluarkan bunyi bising dan dapat berlumba dengan lebih laju daripada motosikal biasa.

Punca lumba haram ini kemungkinannya dipengaruhi oleh rakan sebaya, mungkinlah dimulakan dengan basikal lajak dari masa kecil yang disebabkan ibu bapa yang tidak bertanggungjawab mendidik anaknya sejak kecil? Atau terdapat kumpulan haram yang menganjurkan acara lumba motosikal ini? Penganjur yang menyediakan hadiah-hadiah, yang terdiri daripada kalangan bookie yang membuat keuntungan dari pertaruhan lumba haram tersebut?

Tidak dinafikan bahawa terdapat banyak polis rondaan yang dilakukan di kawasan tersebut tetapi perhimpunan ronda motosikal haram ini masih dilakukan dengan terbuka. Keadaan sebegini akan membuatkan penduduk berhampiran dan pengguna jalan raya beranggapan perkara ini adalah disahkan oleh kerajaan. Perkara ini bukan sahaja menghasutkan imej Pulau Pinang, tetapi yang paling pentingnya membahayakan pengguna jalan raya; lagi mengganggu masa rehat seluruh penduduk berhampiran.

Lumba haram merupakan salah satu penyumbang utama kepada peningkatan kes kecurian kenderaan terutamanya motosikal di Pulau Pinang. Segelintir pelumba haram sanggup mencuri kenderaan kerana ingin dijadikan kenderaan perlumbaan serta kerana mahu mendapat kenderaan baru setelah kalah kerana dalam sesetengah kes, pelumba haram yang kalah terpaksa menyerahkan kenderaan mereka kepada pemenang. Lumba haram sering menyebabkan kemalangan maut terutamanya di kalangan pelumba haram motosikal dan juga akan menyebabkan kenderaan hilang kawalan dan terbabas seperti kes Sam Ke Ting.

Oleh itu, semua pengguna jalan raya mempunyai peluang untuk menjadikan mangsa seperti "Sam Ke Ting" yang seterusnya.

Bayan Lepas merupakan kawasan perindustrian. Kebanyakan kilang terdapat waktu kerja dua atau tiga shift. Oleh itu, kawasan lebuhraya itu terdapat pengguna jalan raya 24 jam tidak henti. Terdapat bookie dari lumba haram akan "menjaga keselamatan" ahli-ahli lumba haram dengan menghentikan pengguna jalan raya dengan sesuka hati untuk membiarkan ahli-ahlinya menjalankan aktiviti lumba motosikal.

Kesimpulannya, harapkan kerajaan Pulau Pinang dapat mementingkan perkara ini dan menyelesaikannya supaya kebajikan pengguna jalan raya dapat terjamin.

**Ng Mei Pheng**

**N17 Bukit Tengah**

**Sidang Muda 2022 Penggal Pertama**

